

05 SEP 1997

Mahathir-Islam

NEGARA HADAPI MASALAH PENINGKATAN SIKAP TIDAK TOLERAN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri semasa merasmikan Perhimpunan Agung Umno 1997 hari ini mengingatkan umat Islam bahawa negara sedang menghadapi masalah peningkatan sikap tidak toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutamakan rupa bentuk yang dikatakan Islam.

Sambil mengingatkan mengenai bahaya sikap itu jika dibiarkan berleluasa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno perlu mempertahankan ajaran Islam yang sebenar sebelum malapetaka menimpa umat Islam di negara ini seperti mana yang berlaku di negara Islam tertentu yang sudah menjadi lemah dan ditindas kuasa asing.

"Di beberapa negara Islam lain, puak fanatik sanggup membunuh orang seagama kerana ingin merebut kuasa untuk melaksanakan pendapat mereka.

"Di Malaysia, golongan seperti ini sudah sampai kepada peringkat memfitnah dan menidakkan keIslaman orang lain," katanya dalam ucapan dasar presiden yang bertemakan "Menebus Maruah Bangsa dan Agama" pada perhimpunan selama tiga hari itu yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Seramai 1,905 anggota perwakilan daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara menyertai perhimpunan kali ini. Yang turut hadir, ketua parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), tokoh-tokoh korporat dan duta-duta negara asing.

Perdana Menteri berkata beliau sedar apa yang diperkatakannya itu tidak akan disenangi orang ramai, termasuk anggota-anggota Umno, tetapi beliau terpaksa berbuat demikian kerana masalah yang dihadapi akibat sikap itu sudah semakin meningkat.

Akibatnya perkara-perkara yang sunat diwajibkan manakala yang wajib dipertingkatkan dan diperketatkan lagi dengan dakwaan bahawa sesiapa yang tidak melakukannya adalah tidak Islam dan murtad, katanya.

"Kita selama ini tidak ada kumpulan ekstrimis yang menyerang dan menyembelih orang Islam lain kerana tidak menerima ajaran mereka. Tetapi sudah nampak mereka yang berminat dengan cara ekstrimis ini, yang mahukan masyarakat Islam kita mengutamakan mengelak dosa kecil tetapi melakukan dosa besar.

"Aliran ini mesti dibendung dan Umno sebagai parti pemerintah yang bertanggungjawab mestilah berani melawan aliran yang tidak sihat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata jika puak ekstrimis itu dibenarkan bermaharajalela, Malaysia akan menjadi seperti beberapa negara Islam lain yang hari ini menghadapi huru-hara, rusuhan, lemah dan ditindas oleh kuasa-kuasa besar.

Perdana Menteri berkata beliau hairan mengapa para pemimpin negara-negara Islam yang lain kagum dengan cara kesederhanaan Islam di negara ini tetapi terdapat pula golongan di Malaysia yang ingin kepada cara ekstrim yang telah menyebabkan banyak negara Islam lain menghadapi masalah sehingga tidak dapat dibangunkan.

"Mereka (pemimpin negara Islam lain) sebenarnya amat kecewa dengan tindakan dan pendapat puak-puak di kalangan mereka yang terlalu ekstrim sehingga mengganas atas nama Islam dan menitikberatkan soal-soal remeh dalam masyarakat mereka.

"Mereka ingin melihat dasar dan amalan keIslaman seperti yang di dapati di Malaysia diamalkan oleh rakyat mereka. Pemimpin-pemimpin kerajaan mereka juga inginkan demikian," katanya.

Dr Mahathir, dengan ucapannya merangkumi 19 tema kecil yang

menggariskan secara panjang lebar langkah-langkah yang perlu diambil umat Islam di negara ini bagi menebus kembali maruah bangsa dan agama, berkata sikap tidak toleran di kalangan umat Islam berpunca daripada sikap yang meletakkan cara atau pendekatan hukum Islam sebagai lebih penting daripada maksud atau tujuan sesuatu hukum.

Dengan menyifatkan sikap itu sebagai salah keutamaan, beliau berkata agama Islam bukan agama ibadat "ritual" yang perlu dilakukan tanpa mengambil kira tujuan sesuatu hukum kerana segala-gala yang disuruh oleh agama Islam mempunyai kaitan dengan kesejahteraan hidup umatnya.

"Kerana tekanan yang salah, kerana keutamaan kepada cara dan tidak kepada tujuan, maka hari ini orang Islam bersengketa sesama sendiri, berpecah-belah dan lemah. Musuh sebenar tidak dipedulikan. Kawan dan saudara seagama dikecam dan dijadikan musuh kerana dianggap kurang Islam.

"Di seluruh dunia Islam, inilah yang sedang berlaku. Asalkan sesuatu itu didakwa sebagai kehendak Islam, perbuatan lain yang terang-terang tidak Islam dihalalkan," katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata orang Arab Jahiliah mencapai kemajuan yang luar biasa apabila mereka mula-mula memeluk agama Islam.

Bagaimanapun, apabila mereka semakin lama semakin kuat memberikan keutamaan kepada ibadat berbentuk "ritual" dan apa yang dikaitkan dengan rupa bentuk Islam, mereka dengan mudah dikalahkan oleh musuh-musuh Islam.

"Semua ini bukan kerana ajaran Islam itu salah, tetapi kerana tekanan kita tertumpu kepada separuh sahaja daripada ajaran Islam iaitu kepada cara dan bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam," katanya.

Bagi umat Islam di zaman ini pula, Perdana Menteri berkata penekanan terlalu kuat yang diberikan kepada simbol-simbol Islam seperti cara berpakaian, menyimpan janggut dan menutup aurat telah menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang lebih berat seperti persaudaraan dan pertahanan.

Dalam soal pakaian, Dr Mahathir berkata pakaian Arab pada zaman Nabi dan beberapa dekad selepasnya yang telah dipakai oleh semua orang Arab, sama ada Islam atau Kristian, telah dijadikan simbol pakaian Islam tetapi pada masa yang sama, mereka yang berpakaian sedemikian sering berperang sesama sendiri tanpa menghiraukan tuntutan Islam yang lebih berat supaya orang Islam bersaudara.

"Demikian juga dengan menutup aurat. Tujuan menutup aurat ialah kerana di zaman Nabi, Arab Jahiliah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada kabilah-kabilah lain. Akibatnya ialah peperangan antara mereka yang tidak pernah tamat," katanya.

Bagaimanapun, soal menutup aurat amat diberi perhatian berat oleh umat Islam di Malaysia kerana hukum Islam telah menetapkan penutupan aurat dan dengan itu mereka yang engkar mesti dikenakan hukuman keras.

"Ini bukan bermakna Al-Quran salah. Yang salah ialah kita kerana kita mengutamakan penutupan aurat dan bukan pencegahan jenayah seks yang merupakan tujuan utama ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata soal menutup rambut di kepala juga mempunyai tujuan yang sama dengan menutup aurat dan di negara ini tiada siapapun yang melarang amalan ini.

"Tetapi ramai yang ingin memaksa lebih daripada yang disuruh sehingga anak kecil dan orang amat tua juga mesti menutup kepala ... sebabnya ialah kerana kita mengutamakan menutup kepala dan bukan pencegahan jenayah. Asalkan kita menutup kepala, sempurnalah amalan kita," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa perpecahan di kalangan umat Islam kepada berbagai-bagai mazhab dan kumpulan dengan pelbagai amalan dan fahaman agama banyak berpunca daripada tafsiran dan ajaran oleh orang yang mengkhusus dalam bidang agama dan faham bahasa Arab.

Pengetahuan agama dan bahasa Arab sahaja tidak menjamin bahawa tafsiran

dan ajaran mereka tepat, benar dan tidak berbeza.

"Sebenarnya kerana kepentingan tertentu, ada di kalangan mereka yang kerap menyalahafsirkan ajaran Islam," katanya. -- BERNAMA.

AH RON